



TEKS UCAPAN ALUAN

**YBRS TUAN HAJI ROSLI BIN ZUL
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI PERAK**

DI

SEMINAR PROMOSI PENYERTAAN
SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)
DI NEGERI PERAK
8 APRIL 2021 (KHAMIS)

Bismillahirrahmanirrahim,
Yang Berusaha

Pn. Masnona Binti Abdul Aziz, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak ;

En. Shahori Bin Mohamad Esa, Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum) Jabatan Pendidikan Negeri Perak;

Pegawai-Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Perak;

Pegawai-Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya memanjatkan rasa syukur kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari ini di Seminar Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Negeri Perak 2021 yang julung kalinya dapat diadakan walaupun dalam keadaan kita masih lagi dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang telah berkuatkuasa sejak 22 Januari 2021 berikutan kes penularan wabak pandemik covid-19 pada masa ini.

Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.Brs. Dr. Mohd Suhaimi bin Mohd Ali, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perak di atas sokongan dan kerjasama padu dengan membenarkan Guru-Guru di seluruh Negeri Perak untuk hadir dalam menjayakan seminar pada kali ini.

Yang Dihormati Tuan-tuan , Puan puan sekalian,-

Sebagaimana yang Tuan-tuan dan Puan-puan sedia maklum, fungsi utama Jabatan Alam Sekitar (JAS) ialah untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) bagi mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling. Selain daripada menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan kualiti alam sekitar, JAS juga menitikberatkan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar kepada seluruh masyarakat termasuklah Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS).

Alhamdulillah program SLAAS telah memasuki kitaran kelapan (8) iaitu Sesi 2020/2021 pada tahun ini. Kejayaan ini dicapai berkat kerjasama dan sokongan yang padu daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan, tahun 2020 yang lalu merupakan tahun bagi promosi program ini ke sekolah-sekolah dan tahun 2021 adalah tahun di mana penilaian peringkat negeri dan penganugerahan di peringkat kebangsaan dijangka dilaksanakan. Walau

bagaimanapun berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sepanjang tahun 2020, aktiviti promosi ini tidak dapat dilaksanakan.

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan puan sekalian,-

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar Bil.1/2021 di peringkat Ibu Pejabat JAS telah diadakan pada 22 Januari 2021. Mesyuarat tersebut telah bersetuju agar program SLAAS di peringkat negeri diteruskan pada tahun 2021 dan pelaksanaan program penilaian negeri dan penganugerahan peringkat kebangsaan pada tahun 2022 akan dikaji mengikut kesesuaian keadaan semasa. Keputusan ini telah mengambil kira tiada penglibatan pelajar-pelajar untuk bersama-sama guru menguruskan lima komponen sekolah lestari iaitu pengurusan, kurikulum, penghijauan ,kokurikulum dan elemen khas. Kesemua komponen ini akan diterangkan dengan lebih lanjut oleh penceramah-penceramah jemputan kita nanti. Diharapkan juga dengan ketetapan ini, warga pendidik mempunyai masa yang mencukupi untuk merancang dan melaksanakan program ini di sekolah masing-masing.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar adalah program yang dicetuskan semasa Simposium Pendidikan Alam Sekitar untuk Pengetua-Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan pada 27-30 Ogos 2001 di

Melaka, yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI) dengan kerjasama Maktab Perguruan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada ketika itu. Program ini telah mula dilaksanakan dan diterapkan kepada sekolah-sekolah sejak tahun 2005.

Berdasarkan tempoh tersebut Jabatan Alam Sekitar telah menyediakan Garis Panduan ke Arah Pembentukan Sekolah Lestari yang lebih kemas dan komprehensif bertujuan untuk membantu sekolah memperkukuhkan proses pelaksanaan pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Melalui program ini, elemen pendidikan alam sekitar dapat diterapkan dalam kalangan guru dan pelajar secara langsung serta komuniti setempat secara tidak langsung dengan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar melalui kurikulum dan kokurikulum. Pengemaskinian dan penambahbaikan garis panduan sedia ada dibuat bagi memberi gambaran dan kefahaman yang lebih jelas kepada pihak pengurusan dan warga sekolah dalam melaksanakan program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar di sekolah dan tempat masing-masing.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Antara tujuan utama Seminar Program Promosi Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar ini diadakan adalah untuk :

1. Mendapatkan kerjasama dan sokongan padu daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dalam membantu Jabatan ini untuk

merealisasikan hasrat agar ciri-ciri mesra alam di peringkat sekolah dapat dilaksanakan dan menjadi budaya melalui penglibatan warga sekolah mengikut kreativiti dan inovasi masing-masing. Hasilnya akan dinilai di peringkat negeri seterusnya akan diketengahkan untuk dipertandingkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. dan

2. Memaklumkan mekanisma dalam pelaksanaan pembudayaan ciri-ciri mesra alam di peringkat sekolah, bagaimana permarkahan dan penilaian Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar dibuat dengan dipandu oleh penceramah-penceramah yang berpengalaman dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Besarliah harapan saya agar program promosi ini akan memberi manfaat kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan dapat mencapai objektif-objektif tersebut dalam usaha untuk melahirkan warga sekolah yang berwibawa, berkebolehan, adil dan bijaksana.

Jika banyak pihak memainkan peranan masing-masing ke arah membudayakan alam sekitar dalam kehidupan, nescaya objektif program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan akan tercapai. Semoga usaha kita pada hari ini akan dapat melahirkan barisan pemimpin muda yang mencintai alam sekitar pada masa depan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dapat hadir pada seminar program promosi SLAAS ini untuk menimba ilmu, berkongsi pengalaman dan mengemukakan idea demi kepentingan kita bersama.

Dengan lafaz BISMILLAH HIRAHMAN NIRAHIM saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Program Promosi Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Negeri Perak Sempena Hari Bumi Sedunia 2021.

Sekian, terima kasih.